

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah digunakan dalam pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) untuk kesemua Kementerian dan badan Kerajaan. Siapakah perunding yang terlibat dan berapakah yuran yang telah dibayar kepada perunding NBOS.

JAWAPAN

NBOS merupakan satu inisiatif baru Kerajaan yang menyelaraskan pelaksanaan projek-projek Kerajaan dengan pendekatan yang kreatif dalam mengoptimumkan sumber sedia ada dan melibatkan koordinasi di antara pelbagai Kementerian / Agensi Kerajaan.

Penyelarasan NBOS ini dilaksanakan oleh Unit Strategi Nasional (NSU)

di Kementerian Kewangan. NSU juga bertanggungjawab dalam merangka, melaksana, memantau dan melapor prestasi program-program NBOS kepada *stakeholders* secara lebih terancang, bersepadu dan kos efektif.

Bagi tujuan ini, NSU bekerjasama rapat dengan Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) di KDN, *Malaysia Institute of Defence and Security* (MIDAS) dan Malaysia Blue Ocean Strategy Institute (MBOSI) serta beberapa Kementerian / Agensi lain bagi memastikan pelaksanaan inisiatif NBOS dapat dilaksanakan dengan jayanya.